

PAWer Insurance

APAKAH YANG MEMBENTUK POLISI INI

Insurans tidak melindungi Anda daripada apa jua yang boleh berlaku.

Tajuk tidak dikira sebahagian daripada pernyataan Polisi.

Polisi ini dikeluarkan sejajar dengan pembayaran Premium seperti yang ditetapkan di dalam Jadual dan menurut kepada kenyataan yang telah dikemukakan di dalam Borang Permohonan Anda (atau semasa memohon insurans ini) dan segala kenyataan yang telah dibuat oleh Anda di antara masa penyerahan Borang Permohonan (atau semasa memohon insurans ini) dan pada masa perjanjian ini ditandatangani. Jawapan dan apa-apa pendedahan lain yang telah Anda berikan akan menjadi sebahagian daripada kontrak insurans antara Anda dan pihak Kami. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang salah nyata semasa pra-kontrak berhubung dengan jawapan Anda atau di dalam mana-mana pendedahan yang Anda berikan, hanya remedi yang terdapat dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 akan diguna pakai.

Polisi ini merangkumi terma-terma dan syarat-syarat kontrak insurans seperti yang dipersetujui antara Anda dan pihak Kami.

Polisi ini menyatakan perlindungan insurans yang Haiwan Peliharaan Anda terima seperti yang ditunjukkan dalam Jadual dan keadaan-keadaan di mana Haiwan Peliharaan Anda dilindungi dan tidak dilindungi.

Untuk membantu memelihara alam sekitar, Kami akan menghantar satu salinan Polisi sahaja. Sila simpan buku Polisi ini di tempat yang selamat. Dalam kes pembaharuan dan/atau pindaan syarat Polisi, Kami akan menghantar Jadual pembaharuan dan/atau Endorsement sahaja kepada Anda. Jika pada bila-bila masa Anda mahu salinan penggantian dokumen ini, sila hubungi Kami dan Kami sedia membantu.

KEWAJIPAN ANDA UNTUK MEMBERITAHU KAMI

1. Komunikasi

Semua komunikasi kepada Kami mesti dibuat secara bertulis atau Anda boleh hubungi Etiqa Online at 1300 13 8888.

2. Kewajipan pendedahan sebelum insurans ini diberikan

- Apabila Anda telah memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Anda, Anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan yang terdapat dalam Borang Permohonan (atau semasa memohon insurans ini) sebagai contoh, Anda perlu menjawab dengan penuh dan tepat. Kegagalan dalam mengambil langkah munasabah dalam menjawab soalan-soalan boleh mengakibatkan pembatalan kontrak insurans Anda, keengganan atau pengurangan tuntutan Anda, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans Anda selaras dengan remedi di dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. Anda juga dikehendaki mendedahkan perkara-perkara lain yang Anda tahu akan mempengaruhi keputusan Kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan.
- Jika Anda tidak memberikan maklumat ini dengan sepenuhnya dan sejujurnya, insurans ini mungkin tidak sah atau Polisi mungkin tidak melindungi Anda dengan sepenuhnya.

3. Kewajipan pendedahan sepanjang tempoh insurans ini

Anda dikehendaki memberitahu Kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans ini atau mana-mana Polisi lain yang berkuatkuasa ke atas Anda atau oleh Anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan Kami, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Permohonan (atau semasa memohon insurans ini atau Polisi-polisi lain) tidak tepat atau telah berubah termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa perubahan dalam pekerjaan Anda, tugas kerja, aktiviti sukan, atau apa-apa maklumat berkaitan yang boleh meningkatkan risiko termasuk sebarang penyakit, kecacatan atau keuzuran fizikal atau mental. Kami mungkin:

- meminta Anda membayar Premium tambahan bagi peningkatan risiko tersebut;
- membuat perubahan kepada terma dan syarat Polisi ini; atau
- membiarkan terma, syarat dan Premium Polisi seadanya tanpa diubah.

Anda akan hanya dilindungi untuk apa-apa peningkatan risiko jika dipersetujui secara bertulis oleh pihak Kami.

DEFINISI

Melainkan dinyatakan atau ditakrifkan sebaliknya, definisi dengan tafsiran yang dinyatakan di bawah, akan digunapakai kepada Polisi ini.

Anda bermaksud pemegang polisi yang dinamakan di dalam Jadual yang berumur sekurang-kurangnya lapan belas (18) tahun pada Tarikh Insurans Berkuatkuasa dan mestilah seorang Warganegara Malaysia, penduduk tetap Malaysia atau penduduk yang bekerja secara sah di Malaysia.

Bayaran Bersama dan Ekses bermaksud bahagian daripada jumlah tuntutan yang Anda perlu bayar untuk setiap tuntutan.

Bayaran Pembedahan bermaksud kos yang ditanggung untuk sebarang Pembedahan yang Perlu Dari Segi Perubatan, yang dilakukan oleh Doktor Haiwan Anda ke atas Haiwan Peliharaan Anda akibat Penyakit dan Kecederaan, termasuk:

- bayaran sinar-X dan ujian makmal;
- bayaran bilik bedah;
- bayaran dan caj untuk anestesia dan oksigen yang diberikan;
- perbelanjaan pelbagai seperti ubat preskripsi, suntikan, pembalut dan perkhidmatan perubatan lain dan bekalan berkaitan Pembedahan.

Bayaran Veterinar bermaksud kos rawatan Haiwan Peliharaan Anda atau perkhidmatan munasabah dan biasa yang disediakan oleh Doktor Haiwan. Jika Kami menganggap bayaran yang dikenakan sebagai berlebihan dan tidak munasabah, manfaat akan dilaraskan dan dibayar berdasarkan bayaran munasabah, lazim dan normal yang biasanya dikenakan untuk rawatan atau perkhidmatan yang sama bagi keadaan perubatan tersebut di tempat di mana caj dikenakan.

Bekalan bermaksud sebarang bahan yang Perlu Dari Segi Perubatan, seperti yang ditetapkan oleh Doktor Haiwan, yang selamat dan berkesan untuk kegunaan yang dicadangkan, dan ketiadaannya akan memberi kesan buruk kepada Haiwan Peliharaan.

Data Peribadi bermaksud apa-apa maklumat yang berkait secara langsung atau tidak langsung kepada Anda dan meliputi mana-mana individu yang data peribadinya telah dikemukakan oleh Anda, yang dikenal pasti atau boleh dikenal pasti daripada maklumat tersebut atau daripada maklumat tersebut dan maklumat lain dalam milikan Kami, termasuk mana-mana data peribadi sensitif dan pernyataan pendapat tentang Anda dan individu tersebut. Bagi tujuan penjelasan, data peribadi Anda mungkin boleh diberikan kepada Kami oleh pihak ketiga yang berkuasa.

Doktor Haiwan bermaksud doktor veterinar yang berdaftar dengan Majlis Veterinar Malaysia menurut Akta Doktor Veterinar 1974 dengan Perakuan Amalan Tahunan semasa yang sah atau permit sementara untuk berkhidmat di Malaysia, tetapi tidak termasuk Doktor Haiwan yang merupakan Pemegang Polisi sendiri.

Endorsemen bermaksud perubahan bertulis atau pindaan ke atas maklumat, terma-terma dan syarat-syarat Polisi ini. Endorsemen ke atas Polisi ini mesti dikeluarkan oleh pihak Kami.

Haiwan Peliharaan bermaksud kucing atau anjing yang dinyatakan dan dinamakan dalam Jadual.

Haiwan Peliharaan Yang Bekerja bermaksud mana-mana Haiwan Peliharaan yang terlibat dalam aktiviti selain daripada menemani atau membantu, termasuk tetapi tidak terhad kepada perlumbaan, pembiakan, penguatkuasaan undang-undang, pengawalan atau untuk kegunaan komersial yang lain.

Jadual bermaksud Jadual Polisi yang dilampirkan pada polisi, di mana butiran haiwan peliharaan Anda, Tempoh Insurans, Manfaat, dan jumlah diinsuranskan dinyatakan.

Kami bermaksud Etiqa General Insurance Berhad.

Keadaan bermaksud apa-apa Kecederaan akibat Kemalangan atau apa-apa manifestasi Penyakit.

Keadaan Kongenital bermaksud keadaan yang wujud sejak lahir, sama ada diwarisi atau disebabkan oleh persekitaran, yang melibatkan sistem organ atau mana-mana bahagian badan yang tidak semestinya menunjukkan tanda-tanda atau gejala yang boleh menyebabkan atau menyumbang kepada Penyakit.

Keadaan Sedia Ada bermaksud sebarang keadaan, gejala atau tanda sesuatu keadaan yang berlaku atau sedia ada dalam sebarang bentuk, atau komplikasi secara langsung yang disebabkan oleh atau berhubung dengan Keadaan sebelum tempoh insurans bermula. Sesuatu keadaan yang boleh dianggap sedia ada tidak kira sama ada:

- a) Haiwan Peliharaan telah dirawat atau menerima rawatan daripada Doktor Haiwan;
- b) nasihat perubatan, diagnosis, penjagaan atau rawatan telah disyorkan untuk Haiwan Peliharaan oleh Doktor Haiwan;
- c) Haiwan Peliharaan memperlihatkan tanda-tanda yang nyata dan jelas, gejala tersendiri, kelainan atau kecacatan fizikal dan/atau haruslah jelas kepada Anda dalam apa jua keadaan.

Kecederaan bermaksud kecederaan badan fizikal yang dialami oleh Haiwan Peliharaan Anda semasa Tempoh Insurans akibat Kemalangan yang disebabkan oleh kejadian luaran, kekerasan dan ketara, yang berlaku semata-mata, secara langsung akibat kemalangan dan bebas daripada sebarang sebab lain. Ini tidak termasuk keracunan makanan, kesakitan, penyakit, keuzuran fizikal atau mental secara beransur-ansur, jangkitan bakteria atau virus (melainkan ini disebabkan secara langsung oleh kecederaan akibat kemalangan).

Keganasan bermaksud tindakan, atau tindakan-tindakan, oleh mana-mana orang atau sekumpulan orang, yang dilakukan atas tujuan politik, agama, ideologi atau yang seumpamanya dengan niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau untuk membuat orang awam atau sebahagian orang awam, dalam ketakutan. Keganasan termasuk, tetapi tidak terhad kepada, penggunaan sebenar kekerasan atau keganasan dan/atau ugutan penggunaan tersebut. Keganasan tersebut dilakukan secara bersendirian atau bagi pihak, atau yang berkaitan dengan mana-mana organisasi atau kerajaan. Keganasan hendaklah juga termasuk apa-apa perbuatan yang disahkan atau diiktiraf oleh kerajaan (yang berkaitan) sebagai tindakan keganasan dan/atau dikawal di bawah undang-undang yang berkaitan.

Keluarga bermaksud pasangan Anda, anak-anak, ibu bapa, adik-beradik atau individu lain yang tinggal bersama Anda secara tetap.

Kemalangan bermaksud kejadian yang tiba-tiba, tidak dirancang, tidak dijangka, luar biasa dan spesifik yang berlaku pada masa dan tempat yang dikenalpasti, bebas daripada apa-apa sebab lain, dan menjadi punca tunggal Kecederaan kepada Haiwan Peliharaan.

Manfaat bermaksud manfaat seperti yang dinyatakan dalam Polisi, Jadual dan/atau Endorsemen, dibayar oleh Kami di bawah terma, pengecualian dan syarat-syarat Polisi ini bagi setiap kejadian atau kerugian yang dilindungi oleh Polisi ini.

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan, atau OPK bermaksud suatu badan bebas yang ditubuhkan untuk membantu menyelesaikan pertikaian di antara Pihak Menuntut dan Kami, sebagai alternatif selain mahkamah.

Doktor Pakar Haiwan bermaksud doktor haiwan yang telah menamatkan latihan tambahan dalam bidang perubatan veterinar tertentu dan telah lulus peperiksaan yang menilai pengetahuan dan kemahirannya dalam bidang khusus tersebut.

Pembedahan bermaksud prosedur perubatan untuk merawat penyakit dan kecederaan melalui teknik pembedahan manual dan menggunakan peralatan. Prosedur tersebut dilakukan ke atas Haiwan Peliharaan Anda, oleh Doktor Haiwan, secara invasif dan dijalankan di dalam bilik pembedahan dengan menggunakan anestesia.

Penyakit bermaksud penyakit fizikal, kesakitan atau jangkitan yang dialami oleh Haiwan Peliharaan Anda seperti yang didiagnosis oleh Doktor Haiwan.

Pembaharuan bermaksud polisi yang telah diperbaharui tanpa sebarang luput masa apabila tamat tempoh polisi sebelumnya dengan Pemegang Polisi dan Haiwan Peliharaan yang sama.

Pemegang Polisi bermaksud pemilik Haiwan Peliharaan yang dinamakan di dalam Jadual sebagai individu yang mempunyai hak sepenuhnya ke atas Polisi.

Perlu Dari Segi Perubatan bermaksud bekalan atau rawatan perubatan yang diberikan oleh Doktor Haiwan untuk merawat Haiwan Peliharaan yang:

- a) konsisten dengan gejala atau diagnosis;
- b) wajar dan menepati piawaian amalan veterinar yang diterima secara umum;

- c) bukan terutamanya untuk kesenangan Anda, Doktor Haiwan Anda atau penyedia lain; dan
d) konsisten dengan tahap bekalan atau perkhidmatan yang sewajarnya yang boleh diberikan kepada Haiwan Peliharaan dengan selamat.

Polisi bermaksud kontrak insurans Anda yang mengandungi pernyataan Polisi ini, Jadual dan sebarang Endorsemen.

Premium bermaksud apa-apa jumlah yang Kami tetapkan untuk Anda bayar di bawah Polisi ini dan termasuk caj-caj Kerajaan.

Rawatan bermaksud sebarang pemeriksaan dan rundingan, kemasukan hospital, pembedahan, sinar-X, ubat, ujian diagnostik, khidmat penjagaan kejururawatan dan penjagaan dan prosedur lain yang munasabah dan biasa diamalkan oleh Doktor Haiwan untuk melegakan atau menyembuhkan kesakitan, penyakit atau kecederaan akibat Kemalangan sepanjang Tempoh Insurans, termasuk eutanasia, hanya untuk tujuan menamatkan hayat Haiwan Peliharaan Anda adalah atas faktor perikemanusiaan bagi meringankan penderitaan akibat Kecederaan atau Penyakit yang dilindungi.

Rawatan Elektif bermaksud suatu rawatan yang bermanfaat kepada Haiwan Peliharaan tetapi tidak perlu untuk kelangsungan hidup.

Tarikh Insurans Berkuatkuasa bermaksud tarikh berkuatkuasa di dalam Jadual.

Tarikh Permulaan bermaksud tarikh permulaan asal perlindungan di bawah Polisi ini seperti yang ditunjukkan dalam Jadual.

Tempoh Insurans bermaksud tempoh di mana Haiwan Peliharaan Anda dilindungi.

Tempoh Menunggu bermaksud tempoh empat belas (14) hari pertama dari tarikh permulaan tempoh polisi pertama apabila Penyakit yang dialami atau gejala atau tanda ditunjukkan. Tempoh ini hanya akan berkuat kuasa apabila Haiwan Peliharaan dilindungi buat kali pertama dan tidak akan diguna pakai selepas tahun pertama perlindungan. Walau bagaimanapun, jika terhentinya perlindungan insurans, tempoh menunggu akan dikenakan sekali lagi.

APA YANG DILINDUNGI OLEH POLISI ANDA

JADUAL MANFAAT				
Seksyen Manfaat		Jumlah Manfaat dalam Ringgit Malaysia (RM)		
		Perak	Emas	Platinum
Seksyen 1	Bayaran Veterinar dan Bayaran Pembedahan	Sehingga 3,500 setahun	Sehingga 5,000 setahun	Sehingga 8,000 setahun
	<u>Termasuk:</u>	10% Bayaran Bersama dikenakan	10% Bayaran Bersama dikenakan	10% Bayaran Bersama dikenakan
	a) Bermalam di Klinik Selepas Pembedahan	Sehingga 3 malam	Bilangan malam tanpa had	Bilangan malam tanpa had
	b) Rawatan Selepas Pembedahan	Sehingga 30 hari	Sehingga 60 hari	Sehingga 60 hari
Seksyen 2	Perbelanjaan Pengebumian atau Pembakaran	Tidak dilindungi	Sehingga 500	Sehingga 1,000
Seksyen 3	Liabiliti Pihak Ketiga – diguna pakai ke atas kucing sahaja	Tidak dilindungi	Sehingga 10,000 setahun Ekses 1,000	Sehingga 30,000 setahun Ekses 1,000
	Liabiliti Pihak Ketiga – diguna pakai ke atas anjing sahaja	Sehingga 5,000 setahun Ekses 500	Sehingga 30,000 setahun Ekses 1,000	Sehingga 50,000 setahun Ekses 1,000

KETERANGAN MANFAAT

SEKSYEN 1 – BAYARAN VETERINAR DAN BAYARAN PEMBEDAHAN

Kami akan membayar balik kepada Anda Bayaran Veterinar dan Bayaran Pembedahan yang ditanggung dalam Tempoh Insurans akibat daripada sebarang Rawatan untuk Penyakit atau Kecederaan yang dihadapi oleh Haiwan Peliharaan Anda sehingga manfaat maksimum yang dinyatakan dalam Jadual.

Kami juga akan melindungi mana-mana tempoh bermalam di klinik dan Rawatan selepas Pembedahan untuk Haiwan Peliharaan Anda, sehingga jumlah malam / hari berdasarkan kepada pelan yang dipilih dari tarikh Pembedahan, yang termasuk rundingan susulan, perkhidmatan diagnostik dan makmal, akupunktur, pemeriksaan dan penyiasatan seperti yang ditetapkan oleh Doktor Haiwan Anda.

Syarat Khas

Rawatan selepas Pembedahan mestilah disebabkan secara langsung oleh Keadaan di mana Pembedahan dilakukan dan disyorkan oleh Doktor Haiwan yang melakukan Pembedahan.

Pengecualian terpakai kepada Seksyen 1

Selain pengecualian umum yang disenaraikan di bawah Apa yang Tidak Dilindungi, Kami juga tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang tuntutan yang timbul daripada atau disebabkan oleh perkara berikut:

1. Bayaran bersama yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat di atas.
2. Keadaan Sedia Ada.
3. Apa-apa Penyakit semasa dalam Tempoh Menunggu.
4. Kos yang ditanggung untuk membeli sebarang alat bantuan, prostesis termasuk alat mekanikal atau selainnya (termasuk tetapi tidak terhad kepada mesin pengawasan, alat sorong dan lampin), sebarang bentuk penempatan atau katil termasuk sangkar dan sebarang rawatan paliatif.

5. Kos untuk sebarang Rawatan yang berkaitan dengan:
 - a) Penyakit Kongenital;
 - b) latihan atau terapi untuk Penyakit tingkah laku;
 - c) kriptorkidisme atau ovariohisterektomi;
 - d) pergigian (kecuali rawatan pergigian yang disebabkan oleh Kemalangan);
 - e) kehamilan, kelahiran atau pembiakan dan apa-apa komplikasi daripadanya;
 - f) implan pembedahan;
 - g) pemindahan organ;
 - h) Rawatan Elektif dan Pembedahan kosmetik.
6. Penginapan dan kemasukan hospital, Rawatan, ujian atau prosedur diagnostik yang tidak perlu.
7. Kos yang berkaitan dengan pendapat kedua jika Anda memutuskan untuk membawa Haiwan Peliharaan Anda bagi mendapatkan Rawatan selanjutnya dari Doktor Haiwan yang lain untuk Penyakit atau Rawatan yang sama dari Doktor Pakar Haiwan.
8. Rawatan rutin dan berbentuk pencegahan termasuk dan tidak terhad kepada kos sebarang makanan dan/atau pemakanan tambahan haiwan peliharaan, vitamin, syampu dan mandian, pemvaksinan pencegahan, pengembirian, pengasian, pembuangan rutin kuku embun, pembasmian dan pengawalan kutu, rawatan cacing gelang dan cacing pita, kutu, hama, pemotongan ekor, pemotongan telinga, dandanan dan pemotongan kuku atau sebarang kerumitan yang timbul daripada rawatan tersebut.
9. Kos yang ditanggung untuk mengeluarkan benda asing yang ditelan oleh Haiwan Peliharaan Anda.
10. Rawatan yang ditanggung selepas tamat tempoh insurans yang mana tidak ada Pembaharuan seterusnya.

SEKSYEN 2 – PERBELANJAAN PENGEBUMIAN ATAU PEMBAKARAN

Kami akan membayar balik kepada Anda perbelanjaan yang ditanggung sehingga manfaat maksimum yang dinyatakan dalam Jadual bagi pengembumian atau pembakaran dan/atau caj pengendalian klinik/hospital veterinar atau penyedia perkhidmatan untuk pengendalian mayat Haiwan Peliharaan Anda dalam Tempoh Insurans.

Pengecualian terpakai kepada Seksyen 2

Kami tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kos jika kematian Haiwan Kesayangan Anda timbul daripada mana-mana pengecualian di bawah Seksyen 1 – Bayaran Veterinar dan Bayaran Pembedahan.

SEKSYEN 3 – LIABILITI PIHAK KETIGA

Kami akan mengganti rugi Anda sehingga manfaat maksimum yang dinyatakan dalam Jadual termasuk semua kos dan perbelanjaan guaman yang ditanggung dengan kebenaran bertulis daripada Kami untuk pembelaan dan penyelesaian sebarang tuntutan bagi mana-mana satu Tempoh Insurans sekiranya Anda dan Keluarga Anda bertanggungjawab di bawah undang-undang untuk membayar ganti rugi untuk:

- a) Kecederaan akibat Kemalangan kepada pihak ketiga di Malaysia yang disebabkan oleh Haiwan Peliharaan Anda; dan/atau
- b) Kerosakan tidak sengaja kepada harta benda kepunyaan pihak ketiga di Malaysia yang disebabkan oleh Haiwan Peliharaan Anda.

Syarat Khas

1. Anda mesti memberitahu Kami tentang sebarang kejadian yang boleh mengakibatkan tuntutan.
2. Anda mesti menyerahkan kepada kami sebarang writ, saman, dokumen undang-undang atau komunikasi lain yang Anda terima dengan serta-merta.
3. Anda tidak boleh mengaku bertanggungjawab atau membuat sebarang tawaran atau menjanjikan bayaran atau berunding tanpa kebenaran bertulis daripada Kami.
4. Anda tidak boleh membalas sebarang komunikasi yang Anda terima tanpa kebenaran Kami.

Pengecualian terpakai kepada Seksyen 3

Selain pengecualian umum yang disenaraikan di bawah Apa yang Tidak Dilindungi, Kami juga tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang tuntutan yang timbul daripada atau disebabkan oleh perkara berikut:

1. RM500 atau RM1,000 pertama bagi setiap tuntutan (ekses) berdasarkan kepada pelan yang dipilih, jika diguna pakai.
2. Kerugian atau kerosakan kepada harta benda kepunyaan, di bawah jagaan, pegangan atau kawalan Anda atau Keluarga Anda atau sesiapa yang tinggal dengan Anda atau di bawah perkhidmatan Anda.
3. Kecederaan akibat Kemalangan atau Penyakit yang dialami oleh Anda, Keluarga Anda, atau sesiapa yang tinggal dengan Anda atau di bawah perkhidmatan Anda.
4. Sebarang tuntutan jika seseorang mengalami penyakit atau dijangkiti virus secara langsung atau tidak langsung daripada Haiwan Peliharaan Anda.
5. Denda, penalti, surcaj atau bayaran lewat.
6. Ganti rugi punitif, luar biasa atau teladan.
7. Sebarang tuntutan yang timbul daripada atau melibatkan Haiwan Peliharaan Anda yang berada di mana-mana tempat yang dilarang. Ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada pelanggaran sebarang undang-undang, peraturan, surat ikatan perjanjian bersama atau peruntukan undang-undang.
8. Sebarang tuntutan yang timbul daripada kejadian yang ada kaitan dengan profesion, pekerjaan atau perniagaan Anda.
9. Sebarang liabiliti yang Anda tanggung di bawah sebarang kontrak atau perjanjian melainkan liabiliti sedemikian akan ditanggung walaupun tanpa perjanjian tersebut.
10. Keputusan mahkamah kali pertama yang tidak dibuat oleh atau diperolehi daripada mahkamah dengan bidang kuasa sah di Malaysia.

SYARAT-SYARAT

1. Kelayakan

Manfaat di bawah Polisi ini hanya tersedia jika Haiwan Peliharaan Anda:

- a) berumur antara dua belas (12) minggu hingga sepuluh (10) tahun pada Tarikh Permulaan Polisi ini. Dengan syarat Haiwan Peliharaan tersebut mendaftar sebelum umur itu dan kekal dilindungi secara berterusan selepas itu, perlindungan untuk Haiwan Peliharaan boleh diberikan sehingga umur maksimum tiga belas (13) tahun;
- b) tidak menjadi Haiwan Peliharaan Yang Bekerja;
- c) tidak mengalami kecederaan atau kekurangan upaya fizikal pada Tarikh Permulaan Polisi ini; dan
- d) tinggal secara tetap dengan Anda di alamat di Malaysia seperti di dalam Jadual.

Di mana Haiwan Peliharaan Anda adalah anjing, ia mestilah:

- a) dimikro-cipkan; dan
- b) dilesenkan dan tidak termasuk dalam baka yang diharamkan atau dilarang seperti yang ditetapkan oleh Kerajaan atau Pihak Berkuasa Awam atau Tempatan.

Di mana Haiwan Peliharaan Anda adalah kucing, Anda mesti menyediakan pensijilan kad perubatan dari Doktor Haiwan berdaftar dengan butiran Haiwan Peliharaan dan pemiliknya termasuk nama dan gambar Haiwan Peliharaan tersebut melainkan ianya telah dipasang dengan mikrochip.

2. Had Wilayah

Haiwan Peliharaan hanya akan dilindungi di bawah Polisi ini semasa Haiwan Peliharaan menetap di Malaysia.

3. Rekod

Anda bersetuju untuk memberikan rekod yang dipunyai oleh Doktor Haiwan berkenaan dengan kelayakan Haiwan Peliharaan Anda dalam tempoh empat belas (14) hari dari mengambil Polisi ini. Kegagalan untuk memberikan rekod dalam tempoh yang ditetapkan akan menyebabkan Polisi tidak sah dan anda berhak mendapat bayaran balik Premium.

Kami hanya akan membayar tuntutan yang timbul selepas Anda memberikan rekod berkenaan Haiwan Peliharaan Anda kepada Kami.

4. Perlindungan dan Langkah Berjaga-jaga yang Munasabah

Anda hendaklah menjaga dan memberi perhatian yang sewajarnya sepanjang masa kepada Haiwan Peliharaan Anda dan akan mengambil segala langkah yang sesuai dan munasabah untuk mencegah dan mengurangkan kemungkinan berlaku apa-apa Kemalangan, Kecederaan atau kematian.

5. Kewajipan untuk mematuhi Syarat-syarat

Kami hanya akan bertanggungjawab untuk membuat apa-apa bayaran di bawah Polisi ini sekiranya Anda sepanjang masa mematuhi terma-terma, peruntukan-peruntukan dan syarat-syarat dalam Polisi ini.

6. Fraud / Penipuan

Sekiranya apa-apa tuntutan dibuat secara fraud/ penipuan atau sebarang kaedah penipuan, termasuk menaikkan atau menambah tuntutan atau penyerahan dokumen palsu atau dipalsukan, yang digunakan untuk mendapatkan Manfaat oleh Anda atau sesiapa yang bertindak bagi pihak Anda, semua Manfaat di bawah Polisi ini akan terlucut hak.

7. Makluman, Prosedur dan Penyelesaian Tuntutan

- Notis bertulis bagi apa-apa kejadian yang mungkin membolehkan untuk membuat tuntutan hendaklah dikemukakan kepada Kami dengan kadar segera dan tidak melebihi tujuh (7) hari daripada tarikh Kemalangan atau Penyakit kepada Haiwan Peliharaan Anda.
- Kami hanya akan membayar Manfaat sekiranya laporan perubatan, sijil perubatan, laporan polis, invois/sebut harga dan resit-resit asal (untuk semua manfaat pembayaran balik) dan lain-lain bukti, yang Kami mungkin perlukan, dikemukakan atas perbelanjaan Anda.
- Persetujuan bertulis Anda untuk membenarkan kami menerima keputusan mana-mana pemeriksaan dan/atau ujian perubatan dan/atau sejarah atau rekod perubatan Haiwan Peliharaan Anda;
- Nombor mikrochip anjing Anda mesti disenaraikan oleh Doktor Haiwan yang merawat Haiwan Peliharaan Anda dalam dokumen sokongan seperti resit, sijil perubatan dan/atau laporan perubatan atau berikan salinan sijil kad perubatan kucing Anda berdasarkan kepada Syarat Kelayakan;
- Apa-apa maklumat lain yang kami anggap perlu. Semua dokumen dan bil asal yang berkaitan mesti dikemukakan bersama dengan borang tuntutan / e-pemberitahuan tuntutan yang lengkap.

8. Penamatan Polisi

a) Penamatan oleh Pemegang Polisi

Sekiranya Pemegang Polisi memberi notis secara bertulis kepada Kami untuk menamatkan Polisi ini, penamatan tersebut akan berkuatkuasa pada tarikh notis diterima atau pada tarikh yang dinyatakan di dalam notis, mana-mana yang terkemudian. Kami akan membayar balik bahagian Premium yang belum tamat Tempoh Insurans secara pro-rata dengan syarat tiada tuntutan telah dikemukakan kepada Kami dalam Tempoh Insurans tersebut.

b) Penamatan oleh Kami

Kami berhak untuk memberi notis penamatan (dengan syarat ianya adalah perlu, munasabah dan wajar) melalui pos berdaftar kepada Anda di alamat Anda yang terakhir atau melalui mel elektronik. Penamatan tersebut akan berkuatkuasa selepas tiga puluh (30) hari daripada tarikh notis. Kami akan membayar balik bahagian Premium yang belum tamat Tempoh Insurans secara pro-rata dengan syarat tiada tuntutan telah dikemukakan kepada Kami dalam Tempoh Insurans tersebut.

c) Pembatalan selepas tuntutan dibuat

Jika anda membatalkan Polisi Anda selepas membuat tuntutan, tiada bayaran balik premium perlu dibayar.

d) Masa Penamatan Berkuatkuasa

Polisi ini akan tamat pada 12:01 pagi waktu Malaysia pada tarikh penamatan berkenaan.

9. Pembayaran Premium – Tunai Sebelum Perlindungan

Anda harus membayar Premium sebelum perlindungan di bawah Polisi ini berkuatkuasa.

10. Pembaharuan Polisi

Polisi ini berkuatkuasa seperti Tarikh yang dinyatakan di dalam Jadual. Pembaharuan Polisi ini adalah satu tahun daripada Tarikh Insurans Berkuatkuasa dan setiap tahun berikutnya. Polisi ini diperbaharui atas pilihan Kami. Polisi ini akan tamat apabila Haiwan Peliharaan Anda mencapai umur empat belas (14) tahun.

11. Pertukaran Pelan

Anda boleh menukar pelan insurans Anda pada pembaharuan polisi seterusnya.

12. Fasal Timbang Tara

Semua perselisihan, kontroversi atau tuntutan yang timbul daripada atau yang berkaitan dengan Polisi ini akan dirujuk dan diputuskan oleh seorang Penimbang Tara. Penimbang Tara akan dilantik secara bertulis oleh pihak-pihak yang bercanggah, atau sekiranya mereka tidak dapat memilih seorang Penimbang Tara yang dipersetujui bersama, dua orang Penimbang Tara akan dilantik untuk membuat keputusan, setiap seorang dilantik secara bertulis oleh setiap pihak. Pelantikan hendaklah dibuat dalam masa satu (1) bulan kalendar selepas dikehendaki dibuat demikian oleh pihak-pihak tersebut. Sekiranya pemilihan Penimbang Tara tidak mendapat persetujuan bersama, Pengadil akan dilantik secara bertulis oleh kedua-dua Penimbang Tara mengikut Pusat Timbang Tara Antarabangsa (AIAC) untuk Kaedah-kaedah Timbang Tara-i. Pengadil hendaklah menetapkan dan mengisytiharkan keputusan yang ditentukan oleh Penimbang Tara hendaklah diperolehi dahulu sebelum apa-apa tindakan ke atas Kami. Tempat untuk timbang tara haruslah di Kuala Lumpur, Malaysia.

Sekiranya Kami menafikan liabiliti kepada Anda untuk sebarang tuntutan yang berkenaan, tuntutan itu haruslah tidak melebihi dua belas (12) bulan daripada tarikh pertikaian yang telah dirujuk kepada Penimbang Tara di bawah peruntukan yang terkandung di sini, maka tuntutan bagi semua maksud dan tujuan hendaklah dianggap telah diabaikan dan selepas itu tidak boleh dituntut.

13. Tindakan Undang-undang

Tiada tindakan undang-undang boleh dibuat di bawah Polisi ini sebelum tamat tempoh enam puluh (60) hari selepas Bukti Kerugian bertulis telah diberikan menurut keperluan Polisi ini. Tiada tindakan boleh diambil melebihi tiga (3) tahun selepas Bukti Kerugian bertulis diperlukan untuk dikemukakan.

14. Perubahan dan Pertukaran

Kami mempunyai hak untuk memperbaharui, membatalkan atau mengubah terma-terma dan peruntukan di dalam Polisi ini (dengan syarat ianya adalah perlu, munasabah dan wajar) dengan memberikan tiga puluh (30) hari notis awal bertulis secara pos biasa di alamat terakhir Anda atau mel elektronik di dalam rekod Kami, dan perubahan tersebut akan diguna pakai daripada pembaharuan seterusnya Polisi ini.

Tiada perubahan di dalam Polisi ini sah melainkan mendapat kebenaran daripada Kami dan kelulusan tersebut telah disahkan.

15. Perlindungan Lain

Tiada seorang pun boleh dilindungi lebih daripada satu (1) Polisi PAWer Insurance yang dikeluarkan oleh Kami. Sekiranya Haiwan Peliharaan Anda dilindungi di bawah lebih daripada satu (1) polisi sedemikian, Kami akan menganggap bahawa Haiwan Peliharaan tersebut dilindungi di bawah polisi pertama yang dikeluarkan atau yang menawarkan Manfaat paling tinggi (yang mana berkenaan) dan Kami akan mengembalikan sebarang Premium yang telah dibayar oleh atau bagi pihak Orang Yang Diinsuranskan untuk perlindungan yang satu lagi.

Sekiranya pada masa mana-mana tuntutan di bawah Manfaat yang dilindungi di dalam Polisi ini dibuat secara pembayaran balik, terdapat perlindungan insurans atau takaful lain, sama ada dengan Kami atau syarikat-syarikat lain yang melindungi risiko yang sama atau mana-mana bahagian daripadanya, Kami hanya akan membayar mengikut perkadaran Kami yang sewajarnya.

16. Notis Amanah atau Penyerahan Hak

Kami tidak akan terikat untuk menerima atau dipengaruhi oleh mana-mana notis amanah, gadaian, lien, penyerahan hak atau lain-lain, seumpamanya yang berkaitan dengan Polisi ini.

17. Fasal Had Sekatan

Polisi ini tidak akan memberikan perlindungan dan Kami tidak akan bertanggungjawab untuk membayar apa-apa tuntutan atau memberikan apa-apa Manfaat di bawah ini di mana peruntukan perlindungan, pembayaran tuntutan, atau peruntukan Manfaat tersebut akan mendedahkan Kami kepada mana-mana larangan atau sekatan di bawah Resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, atau sekatan, undang-undang atau peraturan-peraturan perdagangan atau ekonomi Kesatuan Eropah, United Kingdom atau Amerika Syarikat.

18. Hak untuk menamatkan kerana Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan

Jika Kami mengetahui atau mengesyaki bahawa Polisi ini dimanfaatkan untuk kegiatan pengubahan wang haram atau untuk membiayai Keganasan, Kami berhak untuk menamatkan Polisi ini dengan serta-merta. Kami akan menguruskan semua Premium yang dibayar dan semua Manfaat atau jumlah yang dibayar berkenaan dengan Polisi ini melalui apa-apa cara yang Kami anggap sesuai, termasuk tetapi tidak terhad kepada menyerahkannya kepada pihak berkuasa berkaitan.

19. Mata Wang untuk Semua Bayaran

Semua bayaran di bawah Polisi hendaklah dibuat dalam mata wang sah Malaysia.

20. Undang-Undang yang Terpakai

Polisi ini hendaklah ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia.

21. Subrogasi

Sekiranya Kami bertanggungjawab bagi sebarang bayaran di bawah Polisi ini, Kami akan disubrogasikan tertakluk kepada had bayaran tertentu untuk semua hak dan remedi Anda terhadap mana-mana pihak, dan adalah berhak atas perbelanjaan Kami sendiri untuk menyaman atas nama Anda. Anda akan memberikan atau akan menyebabkan untuk diberikan kepada semua bantuan tertentu dalam kuasa Anda sebagaimana Kami akan perlukan untuk mendapat hak dan remedi dan atas permintaan Kami hendaklah menandatangani atau menyebabkan untuk ditandatangani semua dokumen sewajarnya bagi membolehkan Kami secara berkesan menyampaikan saman menggunakan nama Anda.

22. Perubahan dalam Percukaian, Peraturan dan Perundangan

Kami boleh mengubah terma-terma dalam Polisi ini jika terdapat perubahan dalam percukaian, peraturan atau perundangan yang menjejaskan Polisi ini. Kami akan memaklumkan Anda secara bertulis apabila terma-terma dalam Polisi ini perlu diubah.

23. Tanggungjawab dan Hak Terhadap Perlindungan Data

Kami berhak untuk memproses Data Peribadi menurut Seksyen 4 Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Kami juga berhak untuk mendedahkan Data Peribadi yang telah diberikan oleh Anda sebagaimana yang dituntut berdasarkan konteks, kepada:

- Etika General Insurance Berhad, Etika General Takaful Berhad, Etika Life Insurance Berhad, Etika Family Takaful Berhad, Etika Life International (L) Ltd atau Etika Offshore Insurance (L) Ltd.;
- Entiti-entiti lain dalam Kumpulan Maybank;
- Ejen-ejen dan penyedia perkhidmatan Kami yang diberi kuasa yang dengannya Kami telah mengikat perjanjian kontrak untuk beberapa fungsi, perkhidmatan dan aktiviti Kami;
- Lain-lain syarikat insurans atau pengendali takaful dan wakil pengedar contohnya, bank, bank Islam, broker insurans, broker takaful, syarikat insurans semula dan pengendali takaful semula;
- Pertubuhan perdagangan industri seperti Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM), Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) dan Persatuan Takaful Malaysia (MTA);
- Pedagang dan rakan kongsi strategik Kami;
- Mana-mana pihak yang diberi kuasa oleh Anda (dari semasa ke semasa); atau
- Penguatkuasaan peraturan dan agensi-agensi kerajaan yang dibenarkan atau dikehendaki oleh undang-undang, yang diberi kuasa oleh mana-mana perintah mahkamah atau untuk memenuhi kewajiban kepada pihak berkuasa.

Anda perlu memastikan semua Data Peribadi dikemaskini kepada Kami pada kadar segera.

Kami tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan secara langsung atau tidak langsung terhadap Data Peribadi yang tidak tepat atau tidak lengkap yang diberikan kepada Kami.

Kami dari semasa ke semasa berhak untuk meminta Anda untuk memberikan Data Peribadi lain yang dikehendaki bagi tujuan Polisi ini.

Sebelum memberikan Kami Data Peribadi Orang Yang Diinsuranskan, atau mana-mana individu, Anda hendaklah memaklumkan individu tersebut mengenai notis privasi Kami.

Untuk butiran terperinci notis privasi mengenai bagaimana Kami mengumpul, menggunakan, memproses, melindungi dan mendedahkan Data Peribadi Anda, sila kunjungi cawangan Kami, hubungi Etika Online di talian 1300 13 8888, atau rujuk ke laman web Kami di www.etika.com.my.

APA YANG TIDAK DILINDUNGI

Kami tidak akan membayar bagi apa jua akibat yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh mana-mana yang berikut:

1. Peperangan, serangan, tindakan musuh asing, permusuhan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, insureksi, dahagi atau rampasan kuasa, kebangkitan tentera atau orang awam;
2. Apa-apa Tindakan Keganasan;
3. Pengionan, radiasi atau pencemaran akibat kegiatan radioaktif daripada sebarang bahan buangan nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear atau bahan senjata nuklear;
4. Bahan radioaktif, toksik, letupan atau bahan berbahaya lain daripada apa-apa peralatan letupan nuclear;
5. Pelupusan Haiwan Peliharaan Anda yang diharamkan atau dilarang atau dianggap berbahaya atau akibat penyembelihan sengaja oleh Kerajaan atau Pihak Berkuasa Awam atau Tempatan;
6. Kecederaan disebabkan penganiayaan, niat jahat atau disengajakan atau kecuaiannya Anda atau mana-mana ahli Keluarga Anda atau mana-mana pekerja atau pekerja kontrak Anda terhadap Haiwan Peliharaan Anda;
7. Kemalangan yang ada berkaitan dengan penggunaan Haiwan Peliharaan Anda untuk tujuan komersial, pekerjaan, profesional atau perniagaan/perdagangan termasuk tetapi tidak terhad kepada perlumbaan, pembiakan, penguatkuasaan undang-undang atau kawalan;
8. Sebarang tuntutan yang berlaku jika Haiwan Peliharaan Anda tidak termasuk dalam syarat kelayakan;
9. Sebarang tuntutan yang berlaku di luar Malaysia;
10. Sebarang tuntutan yang melibatkan Haiwan Peliharaan Anda yang tidak dapat dikenal pasti secara tetap dan positif melalui mikrochip dalam kes anjing atau rekod yang dapat dikenal pasti dalam kes kucing;
11. Sebarang tuntutan yang berlaku jika Anda belum menyerahkan rekod Haiwan Peliharaan Anda kepada Kami selepas Anda membeli Polisi;
12. Sebarang tuntutan untuk Rawatan yang diberikan oleh mana-mana individu selain daripada Doktor Haiwan; dan
13. Sebarang penyakit pandemik seluruh dunia atau penyakit epidemik tempatan yang menyebabkan penyebaran Penyakit yang menjejaskan Haiwan peliharaan, yang diisytiharkan oleh mana-mana pihak berkuasa atau badan yang berkaitan dari masa ke masa.

KENYATAAN MAKLUMAT POLISI

1. Sekiranya terdapat sebarang perubahan alamat, sila beritahu Kami dengan segera.
2. Untuk sebarang pertanyaan selain dari tuntutan, sila hubungi Kami di:
Etiqa General Insurance Berhad
Level 13, Tower B, Dataran Maybank
No. 1, Jalan Maarof
59000 Kuala Lumpur, Malaysia
Nombor Telefon: +603 2297 3888
Nombor Faksimile: +603 2297 3800
Etiqa Online: 1300 13 8888
E-mel: info@etiqa.com.my
Laman Web: www.etiqa.com.my
3. Untuk sebarang tuntutan di bawah Polisi ini, sila hubungi Bantuan Tuntutan Kami di talian 1300 88 1007.

PROSEDUR ADUAN

Sekiranya Anda dapati perkhidmatan Kami memerlukan penambahbaikan, sila berikan Kami maklum balas Anda dengan menghubungi Kami melalui pos di:

Unit Pengurusan Aduan
Etiqa General Insurance Berhad
Level 6, Tower B, Dataran Maybank
No. 1, Jalan Maarof
59000 Kuala Lumpur, Malaysia;

Atau melalui telefon 1300 13 8888 atau +603 2780 4500 (Luar Negara)
Nombor Faksimile: +603 2297 1919
E-mel: complaint_cmu@etiqa.com.my

Kami akan memastikan maklum balas Anda dilayani.

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OPK) dan Bank Negara Malaysia Laman Informasi, Nasihat & Khidmat (BNMLINK) juga menyediakan pendekatan alternatif dalam memberikan peluang kepada orang ramai untuk membetulkan amalan pasaran yang tidak adil.

PROSEDUR MEMBUAT ADUAN KEPADA OPK

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OPK) boleh dihubungi oleh Pihak Menuntut atau Pemegang Polisi, sekiranya Pihak Menuntut atau Pemegang Polisi tidak berpuas hati dengan keputusan Kami terhadap sebarang pertikaian, atau kegagalan Kami untuk memberi maklum balas balas terhadap sebarang aduan dalam tempoh enam puluh (60) hari. Anda boleh menghubungi OPK melalui:

E-mel: enquiry@ofs.org.my
atau
Nombor Faksimile: +603 2272 1577
atau
Alamat Pos:
Ketua Pegawai Eksekutif
Ombudsman Perkhidmatan Kewangan
Tingkat 14, Blok Utama
Menara Takaful Malaysia
No.4, Jalan Sultan Sulaiman
50000, Kuala Lumpur

Sebagai alternatif, Pihak Menuntut atau Pemegang Polisi boleh memfailkan pertikaian itu secara peribadi di pejabat OPK.

OPK perlu dihubungi dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh keputusan muktamad dari Kami berkenaan pertikaian yang dibuat Pihak Menuntut atau Pemegang Polisi.

Untuk maklumat lanjut mengenai OPK, sila dapatkan risalah maklumat daripada Kami atau layari laman web OPK di www.ofs.org.my.

Penglibatan OPK adalah tertakluk kepada terma-terma rujukan menurut Seksyen 126 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. Menghubungi OPK tidak akan menjejaskan hak Pihak Menuntut atau Pemegang Polisi untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap Kami sekiranya mereka tidak berpuas hati dengan keputusan oleh OPK.

PROSEDUR MEMBUAT ADUAN KEPADA BNMLINK

Mana-mana Pemegang Polisi atau Pihak Menuntut yang tidak berpuas hati dengan cara pengendalian oleh sesebuah Syarikat Insurans boleh menulis kepada BNMLINK dengan memberikan butiran tentang aduan, nama Syarikat Insurans dan nombor Polisi atau nombor tuntutan.

Salinan surat-menyurat (sekiranya ada) antara Pemegang Polisi atau Pihak Menuntut dan Syarikat Insurans juga boleh disertakan untuk memudahkan kerja mencari fail kes yang disimpan oleh Syarikat Insurans.

Alamat surat menyurat adalah seperti berikut:

Pengarah, Jabatan LINK dan Pejabat Wilayah
Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur, Malaysia
Nombor Telefon: 1300 88 5465
Nombor Faksimile: +603 2174 1515
E-mel: bnmlink@bnm.gov.my